

## Kesan Positif Pengaruh Terhadap Masyarakat



Oleh: Ummi Nabilah Binti Yussaini

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 10 Ogos 2021*

Acapkali kita digemparkan dengan isu-isu hangat tentang pengaruh media sosial yang membawa imej negatif. Sebenarnya, banyak kesan positif yang dicetuskan oleh pengaruh terhadap masyarakat.

Pengaruh adalah individu yang mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam media sosial dan sangat terkenal dalam kalangan netizen, khususnya golongan remaja.

Kemunculan ramai ikon media sosial atau lebih dikenali sebagai *instafamous* atau *tweetfamous* semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Mereka menggunakan media sosial untuk berkongsi gaya hidup masing-masing dengan kaedah yang lebih unik dan menarik untuk memancing perhatian ramai pengikut.

Sebenarnya terdapat banyak sudut positif yang kita boleh lihat tentang pengaruh. Antaranya, mereka boleh dijadikan contoh yang baik kepada generasi baharu kerana keterbukaan mereka dalam berkongsi ilmu.

Selain itu, tingkah laku dan penampilan yang baik juga boleh dijadikan teladan oleh golongan muda. Contohnya, Ustaz Ebit Lew yang memanfaatkan dengan sebaik-baiknya media sosial untuk menyebarkan kebaikan dan berdakwah.

Beliau menyampaikan dakwah kepada gelandangan, penghuni penjara, anak-anak nakal, orang bukan Islam bahkan golongan mak nyah.

Ustaz Ebit Lew selalu memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia. Beliau membantu tanpa mengira latar belakang agama atau bangs.

Tutur katanya yang lemah lembut serta pembawaannya yang sederhana menjadikan beliau senang didekati oleh ramai orang.

Sikapnya jelas memberikan impak yang positif bukan sahaja terhadap pengikut laman Instagramnya malah kepada masyarakat.

Selain itu, pengaruh juga memberi kesan yang sangat besar dalam bidang pemasaran. Apabila seseorang pengaruh itu mempunyai pengikut media sosial yang ramai, mereka boleh membantu peniaga-peniaga kecil melakukan promosi dengan menjadi duta produk.

Ramai juga dalam kalangan *instafamous* yang membantu peniaga-peniaga kecil mempromosikan barang-barang jualan mereka dalam laman Instagram melalui ulasan berbayar.

Seperti contoh, Khairul Aming merupakan seorang pengengaruh yang gemar memasak dan sering memuat naik video masakannya sehingga menarik 3.2 juta pengikut dalam Instagram.

Beliau turut membuat ulasan produk seperti kek batik Nutella melalui platform Shopee serta akaun Instagram dan Twitter miliknya.

Pengusaha produk tersebut memaklumkan bahawa lebih 700 set kek batik Nutella habis terjual dalam masa dua jam sahaja.

Dapat dilihat bahawa pengengaruh seperti Khairul Aming berupaya membantu peniaga-peniaga kecil melariskan jualan.

Kesan pengaruh individu berpengaruh terhadap masyarakat adalah sangat besar kerana mereka menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat dengan ilmu yang bermanfaat, memberi inspirasi untuk mencetuskan idea yang kreatif serta membantu meningkatkan kegiatan ekonomi.